

Kembalikan kegemilangan bahasa, bangsa Melayu

» Syarahan Raja Ali Haji sorot sejarah, kongsi kebimbangan, mahukan tradisi kecemerlangan ilmu dibina

Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhsastera@bh.com.my

Ketuhan bahasa dan peruratan Melayu diukur berlandaskan penghayatan falsafah yang memerlukan kesedaran generasi kini dalam usaha memperjuangkan kedaulatan bahasa itu.

Menyedari kemajuan kerajaan seiring proses pembentukan bahasa, Johor menjadi antara negeri yang mempunyai kesedaran tinggi untuk memperjuangkan kemajuan bahasa Melayu menerusi Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa (PBMPB) sejak ditubuhkan pada 1888.

Kemampuan menghasilkan ratusan kitab atau teks tradisi yang menceritakan cara hidup masyarakat Melayu pada abad prapenajahan, diakui kehebatannya oleh sarjana Barat selain turut dijadikan bahasa standard bagi bahasa Johor Riau, Indonesia.

Hal itu ditekankan oleh Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Nor Hashimah Jalaludin, pada Syarahan Raja Ali Haji 2015 di Bangunan Dato' Jaafar Mohammad, Nusajaya, Johor Bahru, baru-baru ini.

Bijak pandai angkat bahasa

"Pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Johor, lahirnya bijak pandai yang memberi tempat istimewa kepada bahasa Melayu seperti Raja Ali Haji iaitu pjujanga dan sejarawan keturunan Melayu-Bugis yang mengangkat bahasa dan kesusasteraan Melayu setanding dengan bahasa besar lain di dunia.

"Beliau mampu menghasilkan sistem tatabahasa atau buku nahu, kamus ekabahasa yang mantap dan menghasilkan karya agung yang mengagumkan seperti *Tuhfat Nafis* dan *Bustan al-Katibin*," katanya.



Amran menyaksikan Zaharani (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Nor Hashimah (kiri) selepas merasmikan Syarahan Raja Ali Haji di Bangunan Dato' Jaafar Mohammad, Kota Iskandar.

“Pantun itu diibaratkan sesebuah organisasi yang ramai orang dan banyak ragam sehingga ketua mesti mempunyai banyak ilmu dalam melayari organisasi supaya semuanya selamat”

Nor Hashimah Jalaludin,
Pengarah ATMA

Selain itu, Nor Hashimah berkata, banyak lagi karya agung terhasil oleh penulis daripada kerajaan Johor yang menghasilkan karya seperti *Sulalat al-Salatin* atau *Sejarah Melayu*, *Hikayat Raja-Raja Pasai* dan *Hikayat Hang Tuah*.

Beliau turut menegaskan bahasa Melayu mempunyai makna tersurat dan tersirat yang menuntut kepada tafsiran kognitif yang tinggi.

"Pantun itu diibaratkan sesebuah organisasi yang ramai orang dan banyak ragam sehingga ketua mesti mempunyai banyak ilmu dalam melayari organisasi supaya semuanya selamat.

"Malangnya masyarakat Melayu kini bukan saja sukar untuk memahaminya, bahkan kurang arif dengan makna tersirat dan gagal menghayati falsafah di

sebalik penggunaan bahasa itu," katanya.

Kosa kata Melayu hilang

Malah kerisauan itu bukan setakat dalam konteks pantun kerana Nor Hashimah turut menyuarakan kebimbangan terhadap kosa kata dalam bahasa Melayu Johor seperti endut, perca, tetel, gebo, kememeh dan ketetel yang akan



Orang ramai yang hadir di majlis perasmian Syarahan Raja Ali Haji di Bangunan Dato' Jaafar Mohammad, Kota Iskandar.

Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor, Amran Abdul Rahman diiringi Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Dewan Bahasa dan Pustaka, Prof Dr Zaharani Ahmad (kanan) bersalaman dengan tetamu sempena perasmian Syarahan Raja Ali Haji di Bangunan Dato' Jaafar Mohammad di Kota Iskandar.

[FOTO ZULKARNAINI AHMAD TAJUDDIN/BEI]

hilang ditelan arus pemodenan kerana generasi Y dan Z tidak memahaminya.

Justeru, Nor Hashimah berkata, tradisi kecemerlangan ilmu menghasilkan karya agung perlu diteruskan oleh anak muda kini dalam usaha melahirkan lebih ramai karyawan dan bahasawan yang menjadi kebanggaan Johor seperti Sasterawan Negara (SN), Allahyarham Dato' Usman Awang. Beliau turut mengangkat persoalan mengenai penubuhan universiti Islam yang hebat di negeri itu sebagai kesinambungan pendidikan agama seperti peranan Johor yang mementingkan ajaran dan pemikiran Islam, sekali gus dapat mengembalikan kegemilangan Johor, tambahan pula.

Puisi Usman persoal masa depan

Persoalan masa depan itu turut ditegaskan oleh Nor Hashimah dengan memetik puisi Usman Awang yang terus menjadi ucapan keramat.

Bagaimanakah Melayu abad dua puluh satu masihkah tunduk tersipu-sipu jangan takut melangar pantang jika pantang menghalang kemajuan; jangan segan menentang larangan jika yakin kepada kebenaran; jangan malu mengucapkan keyakinan jika percaya kepada keadilan, jadilah bangsa yang bijaksana memegang tali memegang timba memiliki ekonomi mencipta budaya menjadi tuan di negara Merdeka.